



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 31 JULAI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BEKALAN TELUR DIJAMIN STABIL WALAUPUN SUBSIDY TAMAT ESOK, NASIONAL, BERITA HARIAN – 16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
2.	TEKNOLOGI DALAM PERTANIAN, LOKAL, HARIAN METRO – 11	
3.	JAMIN BEKALAN STABIL, LOKAL, HARIAN METRO – 17	
4.	PERKASA SEKTOR PERTANIAN KELESTARIAN SUMBER PERIKANAN, LOKAL, HARIAN METRO – 17	
5.	FOREST FIRE LEAVES FARMER'S LIVELIHOOD IN SHAMBLES, NATION, THE STAR – 3	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6.	GANGGUAN LALAT: KILANG AYAM KOTOR DIKENAKAN TINDAKAN, KEDAH, HAKAH – 13	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7.	AQUACULTURE PUSH FOR FISHERMEN IN 13MP, NEWS, NST – 14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	TERNAKAN PUYU HIBRID JANA PENDAPATAN PENDUDUK, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 29	
9.	ANAK KAMPUNG EKSPORT KELAH HINGGA KE HONG KONG, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 29	
10.	SUMBAT 14 KAMBING TIADA DOKUMEN SAH DALAM SEBUAH TRAK PIKAP, NEGARA, KOSMO – 16	LAIN-LAIN
11.	STeP BAWA NAMA TUMISE KE PERINGKAT ANTARABANGSA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 7	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Bekalan telur dijamin stabil walaupun subsidi tamat esok

Kerajaan akan campur tangan segera jika ada kekurangan di luar bandar

Oleh Nuratikh Athilva Hassan
nuratikh@bh.com.my

bekalan sentiasa stabil.

"Sekiranya berlaku kekurangan, terutama di kawasan luar bandar, kerajaan akan segera campur tangan bagi menstabilkan semula bekalan.

"Tindakan ini sama seperti yang kita lakukan sebelum ini untuk subsidi ayam dan setakat ini, tiada tanda kenaikan harga telur selepas subsidi ditamatkan," katanya sebelum menjadi tetamu siaran langsung *Malaysia Hari Ini* (MHI) terbitan TV3 di Balai Berita, Bangsar, semalam.

Pada 1 Mei lalu, kadar subsidi telur ayam dikurangkan dari 10 sen kepada 5 sen sebij, sebelum ditamatkan sepenuhnya esok.

Keputusan itu dibuat kerajaan selepas mengambil kira komitmen industri untuk memastikan pengeluaran telur ayam yang cukup dan terjamin berikutan kos pengeluaran stabil.

Dalam pada itu, ditanya mengenai ketegangan yang berlaku di antara Thailand dan Kem-



Mohamad Berkata menjadi tetamu MHI di Balai Berita, Bangsar, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

boja, Mohamad berkata, setakat ini tiada kesan terhadap bekalan beras ke Malaysia.

Katanya, konflik itu tidak membabitkan keseluruhan wilayah kedua-dua negara dan tidak menjejaskan rantaian bekalan makanan.

ting kerana pemodenan sektor pertanian tidak akan berjaya sekiranya isu pengairan tidak ditangani dengan berkesan.

"Dalam aspek pengairan, pelaksanaannya tidak boleh disia-siakan dalam tempoh setahun, maka dimasukkan ke dalam RMK13.

"Isu pengairan juga tidak boleh diusahakan secara individu, sebaliknya perlu disediakan oleh kerajaan. Contohnya, di MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) kita keluarkan RM5 bilion.

"Daripada jumlah itu, RM1 bilion sedang dibelanjakan dalam fasa pertama dan datang daripada dana kerajaan. Itu yang kita tumpu dalam RMK13," katanya.

Mohamad berkata, Kementerian itu juga menumpukan pembangunan pesisir pantai yang ditambak, bagi membantu nelayan di Perlis, Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan.

Tumpu RMK13

Dalam perkembangan lain, Mohamad berkata, Kementerian memberi tumpuan khusus terhadap pembangunan sistem pengairan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Katanya, langkah itu amat pen-

TARIKH

31/7/2025

MEDIA

BERITA
HARIAN

RUANGAN

NASIONAL

MUKA
SURAT

16

Teknologi dalam pertanian

HPPNK 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah raikan 50 tahun evolusi pertanian negara



Oleh Rafidah Mat Ruzki
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Penggunaan teknologi moden dan terkini serta evolusi pertanian negara sepanjang 50 tahun ini, menanti pengunjung Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025.

Tidak lagi sekadar aktiviti bersifat tradisional, kitorang serta kurang berdaya saing, sektor pertanian negara kini dipacu dengan pengenalan pelbagai jenis teknologi yang mampu meningkatkan sektor berkenaan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Seri Isham Ishak, berkata melalui HPPNK yang bakal berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah di Kota Kinabalu pada 1 hingga 3 Ogos bermula jam 9.00 pagi hingga 10 malam, ada empat fokus yang bakal menjadi asas pameran dan tarikan.

Bertemakan 'Kudrat Kami Benjamin Pertiwi', Isham berkata, HPPNK kali ini mengutamakan keterjaminan bekalan makanan negara dan golongan muda selaku pewaris negara.

Beliau berkata, empat fokus itu adalah Agro Milenia yang membawakan konsep keyakinan bagi golongan muda; Cukup & Terjamin iaitu konsep daya cipta dalam agroteknologi dan inovasi; Sejahtera MADANI yang berkonsepkan kemampuhan, hormat dan Sejahtera dan tentunya Jualan & Keusahawanan yang berkonsepkan Sejahtera dan Ehsan yang menonjolkan Jualan Agro MADANI.

"Kita nak tunjukkan evolusi pertanian negara kita daripada sangat konservatif dari sebelum merdeka sehingga apa yang kita ada kini. Orang ramai boleh melihat pertanian ini bukanlah satu sektor yang remeh, satu sektor yang tidak memberikan pendapatan



ISHAM (kiri depan) bersama Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu (depan dua dari kiri) ketika hadir pada pra pelancaran HPPNK 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah, di Kota Kinabalu.

kepada petani tetapi satu evolusi petani yang telah kita lalui daripada penggunaan konservatif, tradisional kepada yang moden.

"Sekarang ini kita menonjolkan teknologi dan juga sistem pertanian yang moden.

"Selain itu, ketika ini ramai peladang, penternak, nelayan kita dah tua, dan penerapan teknologi terkini dalam kalangan mereka agak perlahan, justeru kita menggalakkan orang muda untuk sama-sama terlibat dalam pertanian.

"Kadang-kadang orang muda ini nampak pertanian ni sebagai bidang yang tak seksi jadi apa yang seksi ialah teknologi internet berasaskan benda (IoT), di mana dia boleh kawal sistem ladang dengan menggunakan telefon bimbit saja," katanya pada sidang media khas di kementerianya, baru-baru ini.

Isham berkata, bagi menarik minat lebih ramai golongan muda menyertai sektor pertanian, HPPNK kali ini akan membawakan menarik termasuk cabaran e-sukan serta pentas dapur tani yang membawakan keunikan masakan terutama dari Sabah, dengan menggunakan hasil pertanian sedia ada.

Beliau berkata, HPPNK juga akan menonjolkan kemahiran yang membabitkan agro belia dalam usaha kerajaan menepis persepsi dalam kalangan orang muda bahawa pertanian adalah remeh dan pilihan terakhir.

"Kita tidak mahu itu. Kita mahu memberi penampilan bahawa pertanian ini satu pekerjaan murni yang bukan saja memberi pendapatan lumayan tetapi dapat membantu negara dari segi melipatgandakan usaha mencapai agenda keterjaminan.

"Ada juga aktiviti seperti menjahit pusat, seni akuilandskap, inovasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pertanian serta peluang perniagaan," katanya.

Pada masa sama, HPPNK kali ini juga bakal menonjolkan keperluan untuk menjadikan negara mampu mempunyai sumber makanan yang mampan pada jangka masa panjang. Mengambil contoh situasi yang berlaku di negara jiran ketika ini, Isham menekankan kepentingan Malaysia berikhtir apabila berlaku krisis di luar pesisir negara.

"Kudrat itu menunjukkan tekad yang sangat tinggi oleh petani, peladang dan nelayan kita. Dengan usaha mereka, kudrat mereka ini, mereka dapat menghasilkan sumber makanan untuk negara yang mampan pada jangka panjang.

"Ia menjamin pertiwi yang bermaksud menjamin bekalan makanan negara secara lestari untuk jangka masa panjang. Ini sangat penting kerana dengan berlakunya krisis di luar negara, kita perlu memastikan agenda keterjaminan makanan kita terus menjadi asas yang kukuh.

"Kalau apa-apa berlaku kita perlu berikhtir dan kudrat petani inilah yang akan membantu kita untuk menjadi sebuah negara yang berikhtir untuk menghasilkan makanan dan agenda keterjaminan makan kita diharap dapat dicapai," katanya.

Isham berkata, kerajaan juga berhasrat supaya setiap petani mempunyai nilai tambah bagi hasil per-

tanian atau ternakan masing-masing dan tidak sekadar bergantung hasil mentah semata-mata.

Justeru, beliau berkata, petani atau usahawan tani bakal didedahkan dengan teknologi mengetir produk pertanian, pembuatan jem serta makanan sedia dimakan.

"Sebenarnya (kualiti) makanan kita agak baik dan popular kerana kita banyak

menghasilkan produk yang halal, dan produk halal ini semakin lama permintaannya sangat besar dan sangat tinggi.

"Cuma kita kena cari cara bagaimana kita dapat fokuskan lagi supaya kita dapat hasilkan produk yang berasaskan industri makanan asas tani," katanya.

Melalui elemen Cukup & Terjamin, pengunjung akan dipersembahkan dengan statistik dan dapatan bahawa minat orang muda terhadap sektor pertanian negara juga semakin meningkat selain ia bukan lagi pekerjaan yang kotor, sukar dan berbahaya (3D).

Selainnya, Isham berkata, sektor pertanian juga mampu menguntungkan dan memberi pendapatan lumayan jika petani, penternak serta nelayan bersedia mengaplikasikan teknologi serta ilmu pertanian yang bersestuan.

HPPNK yang mensasarkan 500,00 pengunjung itu akan turut membawakan sekurang-kurangnya 136 reruai industri asas tani termasuk 10 reruai kopi, 96 reruai industri asas tani dan makanan, 10 reruai rumpai laut dan ikan hiasan, 10 reruai sarang burung dan 10 reruai durian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/7/2025	HARIAN METRO	LOKAL	17

SUBSIDI TELUR AYAM TAMAT 1 OGOS

Jamin bekalan stabil

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Walaupun subsidi telur ayam tamat 1 Ogos ini, namun Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan bekalan telur adalah stabil dan mencukupi.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya sentiasa melakukan perbincangan bersama pengusaha dan pengeluar telur bagi memastikan bekalan stabil.

"Sekiranya berlaku kekurangan, terutama di kawasan luar bandar, kerajaan akan segera campur tangan bagi menstabilkan semula bekalan.

"Tindakan ini sama seperti yang kami lakukan sebelum ini untuk subsidi ayam dan setakat ini, tiada tanda kenaikan harga telur



MOHAMAD bercakap ketika menjadi tetamu MHI TV3 di Balai Berita Bangsar, semalam.
- Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

akan berlaku selepas subsidi ditamatkan," katanya selepas menjadi tetamu rancangan Malaysia Hari Ini (MHI) TV3 di Balai Berita Bangsar, semalam.

Hadir sama Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad (MPB) Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunied, Ketua Pegawai Operasi Media Prima OMNIA Datuk Mohd Efendi Omar dan Ke-

tua Pegawai Kewangan Kumpulan Media Prima Rosli Sabarudin.

Berkuat kuasa 1 Mei lalu, kadar subsidi telur ayam dikurangkan daripada 10 sen kepada lima sen sebij, sebelum ditamatkan sepenuhnya pada 1 Ogos ini.

Keputusan dibuat selepas mengambil kira komitmen pihak industri untuk memastikan pengeluaran

telur ayam yang cukup dan terjamin berikutan kos pengeluaran stabil.

KPKM dilaporkan berkata, kerajaan juga sudah mengambil kira tempoh kawalan harga dan pemberian subsidi yang terlalu lama sebagai tindakan tidak mampan kepada kelangsungan industri pengeluaran telur tempatan serta kewangan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/7/2025	HARIAN METRO	LOKAL	17

RMK13

Perkasa sektor pertanian, kelestarian sumber perikanan

Kuala Lumpur: Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dibentang hari ini, turut memberi penekanan jangka panjang terhadap usaha pemerkasaan sektor pertanian dan kelestarian sumber perikanan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kementerian sudah mengenal pasti keperluan utama dalam sektor pertanian untuk diberi keutamaan di bawah RMK13, antaranya adalah sistem pengairan negara.

"RMK lebih memberi tumpuan jangka panjang berbanding belanjawan tahunan. Misalnya, untuk sektor pertanian adalah pengairan. Itu dalam RMK.

"Sistem pengairan ini tak boleh siap setahun dan kerana ia tidak boleh ditangani oleh individu, sebaliknya memerlukan pembabitan terus kerajaan untuk menyediakannya.

"Disebabkan kerja pengairan biasanya memakan masa antara 10 hingga 15 tahun, ia hanya bo-

leh dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat melalui kerangka RMK," katanya selepas menjadi tetamu Malaysia Hari Ini (MHI) TV3 di Balai Berita Bangsar, di sini, semalam.

Mohamad memberi contoh bagaimana kerajaan memperuntukkan sejumlah besar dana untuk pengairan kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah dan Perlis bagi memastikan produktiviti hasil pertanian kekal konsisten.

"Contohnya di MADA, kita keluarkan RM5 bilion. Daripada jumlah itu, RM1 bilion sedang dibelanjakan dalam fasa pertama dan itu datang daripada dana kerajaan. Itu yang kita tumpu dalam RMK13," katanya.

Selain pengairan, katanya, tumpuan juga akan diberikan kepada peralihan secara berperingkat nelayan pantai yang terkesan akibat aktiviti tambakan laut untuk beralih kepada sektor akuakultur.

31/7/2025

THE STAR

NATION

3

Forest fire leaves farmer's livelihood in shambles

By ANDY CHUA

andychua@thestar.com.my

MUKAH: Muhammad Salin was devastated to find his garden in Kampung Senau destroyed after a forest fire swept through the area for the sixth consecutive day.

"I rushed back after a call, but it was too late. Everything is in ruins. All my sago palms are gone. Even the siet (sago worms) won't stay," the 62-year-old said, referring to the larvae commonly harvested from sago palms in rural Sarawak.

A visibly distraught Muhammad said the damage was heartbreaking as the land had provided for his family for years.

The blaze, which has burned over 7ha of land and continues to smoulder across 2ha of peat soil, has also worsened air quality in

nearby Kampung Petana.

Mother of three Norli Hussin said face masks are now compulsory at her daughter's school.

"It started getting worse on Monday. There's white dust inside our house and car. I wasn't sure if it was safe to send my child to school, but I had no choice," she said.

Sarawak Fire and Rescue Department deputy director Tiong King Hii told *The Star* that firefighting has been challenging as the fire is consuming peat soil, which has a tendency to retain heat and smoulder underground.

"The fire involves private land and has spread to an adjacent oil palm plantation."

Firefighters have built a fire-break and dug a check dam to carry out total flooding in the worst hit areas.

Reduced to ashes:
An aerial view of the forest fire near Kampung Senau in Mukah. — ZULAZHAR SHEBLEE/The Star



Gangguan lalat: Kilang ayam kotor dikenakan tindakan



Chia Zhen (dua dari kiri) ketika turun padang membuat tinjauan.

KULIM-BANDAR BAHARU:

Seorang pengusaha ternakan ayam di Kampung Terap bakal menerima tindakan kerana tidak menjaga kebersihan hingga menjejaskan kawasan persekitaran.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kulim, Wong Chia Zhen, berkata lesen perniagaan pengusaha itu kemungkinan akan ditahan sebelum diperbaharui.

"Masalah lalat yang mengganggu penduduk kampung berhampiran premis ini sudah lama, tetapi sejak kebelakangan ini, agak serius.

"Penduduk sudah tidak tahan, lakukan aduan sebab

mengganggu rutin harian dan kesihatan mereka," katanya kepada *Harakah*.

Menurutnya, sebelum ini, kilang ayam di Kampung Terap itu pernah dibuat pemeriksaan oleh pihak berkuasa tetapi masalah lalat yang berpunca dari operasi premis itu semakin ketara kebelakangan ini.

Dalam tinjauan terbaharu beliau bersama-sama wakil Jabatan Veterinar, Jabatan Alam Sekitar dan penduduk kampung, mendapati terdapat kercuaian pekerja yang tidak menjaga kebersihan premis tersebut dengan baik.

"Bagi penyelesaian jangka pendek, pengusaha akan diambil tindakan dan lesen perniagaannya akan ditahan serta tidak boleh diperbaharui.

"Isu kebersihan serta gangguan lalat ini bukan benda kecil, boleh membawa penyakit dan kesan-kesan kepada penduduk persekitaran," tambah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri itu lagi.

Dalam masa yang sama, beliau menyatakan pihaknya akan mengadakan mesyuarat dalam masa terdekat untuk penyelesaian jangka panjang untuk mengatasi masalah tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/7/2025	NST	NEWS	14

ALTERNATIVE LIVELIHOOD

Aquaculture push for fishermen in 13MP

KUALA LUMPUR: The 13th Malaysia Plan (13MP) will focus on government-led irrigation infrastructure and promote aquaculture as an alternative livelihood for fishermen affected by coastal development and land reclamation.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said: "We will take the lead on irrigation because it's a huge undertaking that only the government can handle," he said yesterday.

He added that coastal development and land reclamation in Perlis, Penang, Melaka and Negri Sembilan had disrupted the livelihoods of fishermen, prompting the ministry to promote aquaculture as an alternative.

"In the long term, we want to transform them into 'inland fishermen', that is, aquaculture practitioners.

"In some cases, their income from aquaculture can exceed that



Datuk Seri Mohamad Sabu speaking during TV3's 'Malaysia Hari Ini' programme in Kuala Lumpur yesterday. NSTP PIC BY ASYRAF HAMZAH

of sea fishing."

Mohamad was speaking before appearing on TV3's *Malaysia Hari Ini* programme at Studio 1, Balai Berita in Bangsar here.

The 13MP, which covers the period from 2026 to 2030, is expected to outline an ambitious roadmap to elevate Malaysia to a high-income, innovation-led economy.

It will be tabled in Parliament today.

On a separate matter, he said that egg prices would remain stable despite the discontinuation of the egg subsidy effective tomorrow.

"Supply is sufficient. Producers, suppliers and other parties have been cooperating with us.

"They have given their assurance that eggs will continue to be

available as usual. In fact, supply is increasing.

"At this point, I do not foresee any price increase, just as we saw no increase after the chicken subsidy ended."

He added that any supply shortages, particularly in rural areas, would be addressed through intervention by the government and the Federal Agricultural Marketing Authority.

The ministry had announced on April 30 that the egg subsidy would be discontinued on Aug 1, following industry assurances of stable supply after the stabilisation of production costs.

Mohamad said tensions along the Thai-Cambodian border have not affected Malaysia's rice imports.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/7/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Ternakan puyu hibrid jana pendapatan penduduk

PADANG BESAR: Projek Ternakan Ikan Puyu Hibrid di Kampung Dato' Kayaman di sini membolehkan penduduk setempat menjana pendapatan tambahan di samping membantu golongan memerlukan.

Projek yang diuruskan oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) menjadi sebahagian usaha dalam menjadikan kawasan itu sebagai antara pengeluar ikan puyu hibrid terbesar di negeri ini.

Pengurus projek, Mohamad Azhar Sudin, 32, berkata, buat masa ini, sebanyak 10,500 ikan puyu hibrid hitam dan emas ditenak komuniti untuk dikomersialkan kepada orang ramai.

"Untuk ikan puyu hibrid emas, kami dapat komersial-

kan mengikut dua kaedah iaitu sebagai ikan segar dan ikan hiasan malah harga pasarnya juga berbeza," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Mohamad Azhar berkata, pihaknya menganggarkan ia mampu menjana pendapatan antara RM20,000 hingga RM30,000.

Pengerusi Komuniti Kemas Padang Besar, Ruzaini Rais berkata, projek dilaksanakan menerusi peruntukan di bawah Program Sejahtera Komuniti Madani (SejaTi Madani) berjumlah RM100,000.

Katanya, inisiatif itu bukan sahaja membantu mengembangkan ekonomi penduduk setempat tetapi mengurangkan bebanan kewangan dihadapi mereka.



RUZAINI Rais (kanan) dan **MOHAMAD** Azhar Sudin (dua dari kanan) menunjukkan ikan puyu hibrid yang ditenak di Kampung Dato' Kayaman, Padang Besar, Perlis semalam. - **UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD**

Anak kampung eksport kelah hingga ke Hong Kong

MULU TERENGGANU: Bermula sekadar minat memelihara ikan sungai, seorang pemuda di Kampung Basung, di sini kini bergelut pembekal ikan kelah yang berjaya menembusi pasaran luar negara termasuk Hong Kong, Thailand dan China.

Muhammad Jailani Mohd. Sabri, 25, berkata, ia bermula kira-kira lapan tahun lalu apabila dia mencari sendiri ikan kelah dari sungai kawasan sekitar dan memeliharanya sebagai hobi.

"Selak kecil saya sudah didahikan dengan spesies ikan sungai dan selok-belok kawasan sungai kerana sering ikut ayah bawa bot di Tasik Kenyir. Saya pula hanya bersekolah sehingga tingkatan dua.

“Melihat adanya permintaan

dan mampu menjaga pendapatan mulai, ikan-ikan tersebut mulai dijual kepada peminat ikan air tawar. Namun saya terpaksa berhenti seketika karena masalah lima tahun disebabkan masalah kesehatan sebelum memasuki dunia bisnis ini pada 2023 dengan membina kolam sendiri serta menyediakan akuarium yang lebih baik.

Perusahaan dijalankan semakin berkembang selepas dibantu abang ipar, Muhammad Ridhuan Abd Rahim, 31, terutamanya bagi urusan pembelian atau eksport anak ikan kelah ke luar negara," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Basung.

Menurut Muhammad Jailani, saiz ikan kelah yang biasa di-

transport adalah antara 15 hingga 60 sentimeter dengan harga antara RM150 hingga RM2,000 seekor bergantung kepada kualiti.

Katanya, dalam masa sebulan, antara 100 hingga 200 ekor anak ikan kelah dieksport terutama ke China dan bekalan tersebut diperoleh hasil daripada pembelian daripada orang-orang kampung serta komuniti setempat.

Muhamad Riduan berkata, selain menjual secara langsung mereka turut memasarkan ikan kelah secara dalam talian melalui platform media sosial.

"Ikan kelah merah merupakan spesies paling bernilai tinggi untuk pasaran hiasan dan komersial. Setakat ini, bagi pasaran China amat berjaya," katanya.



MUHAMMAD Jailani Mohd. Sabri melihat antara anak ikan kelah dipeliharanya sebelum dijual termasuk eksport ke luar negara di rumahnya di Kampung Basung, Hulu Terengganu. - **UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/7/2025	KOSMO	NEGARA	16

Sumbat 14 kambing tiada dokumen sah dalam sebuah trak pikap



SEBANYAK 14 ekor kambing seludup yang berada di bahagian belakang sebuah trak pikap di Chabang Empat Tendong, Pasir Mas kelmarin.

— IHSAN PGA

PASIR MAS – Seorang lelaki gagal menyeludup sebanyak 14 ekor kambing selepas trak pikap dipandunya yang membawa kesemua haiwan tersebut ditahan di Chabang Empat Tendong, di sini kelmarin.

Suspek yang berusia 41 tahun itu diberkas oleh anggota Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) kira-kira pukul 7 malam semasa sedang memandu trak pikap jenis Mitsubishi Triton.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Ab. Hamid berkata, anggota PGA mendapati kenderaan tersebut dipandu dalam keadaan mencurigakan ketika menjalankan tugasan menerusi Op Taring Wawasan.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati, sebanyak 14 ekor kambing berada di belakang trak pikap itu.

“Suspek bagaimanapun gagal

menunjukkan sebarang dokumen berkaitan haiwan yang dianggarkan bernilai RM10,500 itu.

“Siasatan lanjut mendapati, lelaki itu berperanan sebagai penghantar haiwan tersebut ke pasaran tempatan,” katanya ketika dihubungi pemberita semalam.

Menurutnya, kesemua haiwan itu diserahkan kepada Jabatan Veterinar Kelantan dan kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

Oleh MEGAT LUTFI
MEGAT RAHIM
lutfi@mediamula.com.my

GOPENG: Produk 'siap dimakan' jenama Tumise semakin dikenali di peringkat antarabangsa menerusi bantuan promosi pelbagai pihak terutama Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP).

Muhammad Syakir Abdullah, 32, yang mengusahakan produk itu sejak empat tahun lalu berkata, STeP membantu produksinya berkembang menerusi ekspos tempatan dan antarabangsa.

Katanya, strategi pemasaran berdasarkan kursus dan bengkel yang dianjurkan kerajaan negeri terutama STeP meluaskan lagi pasaran produknya seperti daging dendeng, sambal bilis garing, sambal tumis nasi lemak dan rendang asam pedas yang dihasilkan di Malim Nawar.

"Promosi STeP dan lain-lain agensi bukan sekadar melalui fizikal tetapi melalui strategi pemasaran seperti Facebook dan Tik Tok yang terbukti berkesan. Bantuan melalui pameran dan ekspos membolehkan jangkauan produk saya hingga ke Singapura dan Brunei.

"Tunjuk ajar dan pemantauan yang berterusan daripada STeP membolehkan jenama Tumise kekal dinamik dalam situasi ekonomi semakin mencabar.

"Bantuan promosi yang saya terima daripada agensi kerajaan negeri bertepatan dengan aspirasi Pelan Perak Sejahtera 2030 dalam aspek kesejahteraan ekonomi," katanya.

Muhammad Syakir

yang juga Pengarah Urusan YBS Abrah Sdn. Bhd. berkata, dia memilih produk 'siap dimakan' itu kerana produk sedemikian berpotensi tinggi untuk berkembang.

Bermodalkan RM2,000 pada awal pembabitannya, kini dia bangga apabila jualan kasar produknya di bawah jenama 'Tumise' mencecah lima angka sebulan.

"Semuanya bermula dengan sekadar mencuba resipi makanan

tradisi di dapur rumah ayah di Malim Nawar, Kampar. Setelah melihat potensinya selain dorongan daripada keluarga menyebabkan saya telad mengeluarkan produk sendiri," katanya.

Kini katanya, perniagaan itu boleh menjana pendapatan mencecah lima angka sebulan dan dia mampu menawarkan peluang pekerjaan kepada 12 orang.

Katanya, bantuan geran menerusi Program Agropreneur Muda Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sebanyak RM15,000 dua tahun lepas turut membantunya mengembangkan lagi perniagaan.

"Saya turut mendapat bantuan Lembaga Pemasaran

Pertanian Persekutuan (FAMA) dan STeP terutamanya melibatkan pengurusan akaun, khidmat nasihat produk, pembungkusan, pelabelan dan menyertai ekspos peringkat tempatan dan antarabangsa.

"Saya juga mempunyai kilang berskala sederhana yang menjimatkan kos selain turut menawarkan khidmat perunding luar untuk produk usahawan lain.

"Tumise mendapat pensijilan halal dan Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) yang menambah keyakinan pengguna terhadap produk kami," katanya.

Muhammad Syakir bercadang mendapatkan pengiktirafan GMP (Amalan Perkilangan Baik) dan Institut Piawalan dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia Berhad (SIRIM) bagi sinergi bersifat berterusan.

"Saya juga mahu terus melaksanakan kajian dan pembangunan untuk meningkatkan daya saing produk selain merancang menaik taraf kilang menjadi sebuah pusat pengeluaran yang lengkap," katanya.

STeP bawa nama Tumise ke peringkat antarabangsa

MUHAMMAD Syakir Abdullah menunjukkan produk keluaran syarikatnya dengan jenama Tumise.



TARIKH

31/7/2025

MEDIA

UTUSAN
MALAYSIA

RUANGAN

DALAM
NEGERI

MUKA
SURAT

7